

# Amal etika kerja murni tingkat kerjaya

Pembangunan dan kemajuan sesebuah negara akan dapat dicapai jika sistem pentadbiran dan pengurusan berkualiti dan berkesan. Islam menunjukkan cara dan jalan bagi mencapai kualiti tersebut melalui prinsip dan nilai murni yang digariskan mengikut neraca al-Quran dan sunah.

Di negara ini, pelbagai strategi dilaksanakan bagi mencapai wawasan negara antaranya ialah dengan memperkenalkan rukun akhlak dan etika bekerja perkhidmatan awam.

Setiap pentadbiran dan pengurusan yang berkualiti dan cemerlang akan memerlukan peraturan dan etika kerja kerana itulah yang menjadi teraju nilai murni yang sistematik dalam pentadbiran sesebuah organisasi.

Allah SWT berfirman dalam surah al-Anfaal ayat 27 yang bermaksud: *“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati amanah Allah dan Rasul-Nya dan janganlah kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya).”*

## Amal etika kerja murni

Justeru, setiap orang tidak kira mereka yang memegang jawatan dalam perkhidmatan awam mahupun swasta atau



Orang amanah ikhlas pikul tanggungjawab sebagai pekerja.

[GAMBAR HIASAN]

persendirian hendaklah mematuhi peraturan dan mengamalkan etika kerja yang murni.

Antara etika kerja yang penting bagi setiap warga kerja ialah bersifat ikhlas dalam melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan. Sesungguhnya orang yang ikhlas bekerja kerana Allah SWT akan menerima tanggungjawab dengan penuh kerediaan dan akan sentiasa berusaha bersungguh-sungguh bagi menghasilkan prestasi kerja yang terbaik.

Orang yang ikhlas adalah orang yang bijaksana. Mereka bijak menggunakan masa dan waktu kerja secara

produktif. Bahkan mereka juga tidak akan mengambil kesempatan memabzirkan masa kerja.

Sebenarnya pekerjaan yang dilakukannya itu juga adalah suatu ibadah dengan syarat ia dilakukan dengan niat yang ikhlas, kerana kerja yang dilakukan tanpa keikhlasan hanyalah sia-sia dan tidak akan mendapat ganjaran pahala.

Perkara ini dijelaskan dalam hadis riwayat Imam An-Nasa'i daripada Umamah Al-Bahili katanya:

Rasulullah SAW bersabda yang maksudnya: “Sesungguhnya Allah tidak menerima suatu amalan me-

lainkan dilakukan dengan ikhlas semata-mata kerana Allah SWT saja.”

## Tidak berkira laksana tugas

Orang yang ikhlas dalam pekerjaannya tidak akan berkira dalam melaksanakan tugas dan tidak mengharapkan pujian atau ganjaran duniawi semata-mata.

Keikhlasan dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan dan dipertanggungjawabkan dapat melahirkan sifat mahmudah seperti bersifat sabar, tabah dan berbudhi bahasa di mana melalui sifat tersebut mereka akan mempunyai daya ketahanan hati atau perasaan dalam menghadapi sebarang tekanan.

Dalam keadaan seperti ini, mereka tidak akan terburu membuat sesuatu keputusan, tidak akan mudah berputus asa apatah lagi berkasar bahasa, sebaliknya sentiasa tenang menghadapi masalah, bersikap terbuka apabila menerima kritikan.

Namun, ingatan supaya sentiasa ikhlas dan amanah sering ditetapkan kepada pekerja yang memikul tanggungjawab sedangkan pihak kepimpinan pula boleh bertindak sesuka hati.

Berhemah dalam kepimpinan tidak akan merugikan sesiapa, bahkan itulah yang menjadi kekuatan kepada kejayaan sesebuah organisasi.



**DR NIK SALIDA SUHAILA NIK SALEH**